



3 Mac 2022
3 March 2022
P.U. (A) 44

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 5) 2022

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 5) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 5) 2022**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 119/2022 yang disiarkan pada 21 Februari 2022, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberikan pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 5) 2022.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 7 Mac 2022.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Tempoh Larangan</i>
<i>Larangan Terpakai</i>		
Sebahagian Laluan 136, Jalan Kuala Ketil-Merbau Pulas-Lunas-Pekan Bandar bermula dari seksyen 14.40 hingga seksyen 14.60 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Bandar Baharu ke Kulim dan sebaliknya menggunakan lengcongan sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	7 Mac 2022 hingga 7 Mei 2023